

Kemudahan jayakan hasil bioteknologi

SH (Kuantan) Khamis 14/8/08 pg: P4

■ MOHD ZAKY ZAINUDDIN

KUANTAN - Kemudahan infrastruktur yang terdapat di negara ini membuka peluang kepada penyelidik khususnya institusi pengajian tinggi menjalankan pelbagai kajian untuk meningkatkan hasil bioteknologi.

Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Dr Rosli Mohd Yunus berkata, kestabilan politik, kekuatan ekonomi dan kemudahan yang tersedia di sini membuka peluang kepada penyelidik menjalankan bidang ini dengan jayanya.

Menurutnya, universiti tempatan mempunyai peluang terbaik untuk membangunkan industri itu sering dengan hasrat kerajaan yang mementingkan peningkatan hasil bioteknologi untuk memberi manfaat kepada komuniti.

"Kita sebagai rakyat di negara ini tahu bahawa keberkesanan infrastruktur dan faktor lain sentiasa membuka peluang kepada kita untuk menjalankan kajian mengenai lapangan bioteknologi.

"Selain itu, kewujudan sumber alam yang kaya dalam negara kita secara tidak langsung menarik minat pelabur luar untuk turut sama menjayakan bidang ini. Peluang kepada rakyat tempatan juga sangat besan untuk membangunkan projek ini.

"Kita mesti serius mengambil peluang ini untuk meningkatkan pengeluaran hasil daripada bioteknologi untuk kemudahan dan manfaat kepada semua pihak," katanya.

Dr Rosli berkata demikian ketika memberikan ucapan aluan sempena Majlis Penutup Program Simposium Bioteknologi yang diadakan di UMP

dekat sini, semalam.

Program itu disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Program yang dikendalikan penuntut UMP itu mendapat pujian ramai di samping menunjukkan kemampuan bahawa anak tempatan juga mampu menghasilkan program bertaraf global.

Beliau berkata, program itu secara tidak langsung mengharumkan nama UMP melalui pencambahan pelbagai idea bernas untuk membangunkan bidang ini.

"Saya gembira kerana program ini dapat berlangsung dengan jayanya melalui kerjasama dan sokongan daripada pelajar dan tenaga pengajar UMP bagi membangunkan bidang bioteknologi untuk pembangunan kepada generasi akan datang," katanya.



Adnan (dua dari kanan) menerima cenderamata selepas majlis Penutup Program Simposium Bioteknologi semalam.